


Prk.Pk.014/5/1 Jld 8(9)

21 Rabiul Akhir 1434

4 Mac 2013



SIMPATI SENARAI EDARAN

Tuan,

PERMOHONAN KERJASAMA KAKITANGAN SELAIN BAHAGIAN PELESENAN DAERAH UNTUK BANTU PROSES PERMOHONAN DALAM SISTEM e-LESEN

Dengan segala hormatnya perkara di atas dan surat terdahulu Prk.Pk.014/5/1 Jld 7(45) bertarikh 4 Jun 2012 yang lepas adalah dirujuk dan berkaitan.

2. Sukacita dimaklumkan surat dengan rujukan seperti dinyatakan di atas telah dikeluarkan bagi tujuan gunasama kakitangan semua bahagian untuk membantu proses permohonan pelesenan khususnya dalam sistem e-Lesen. Perkara ini telah dipersetujui oleh semua Ketua Cawangan di PPN Perak untuk mengaplikasikan konsep Blue Ocean Strategy (BOS) semasa Mesyuarat Pengurusan Jabatan Perikanan Negeri Perak yang diadakan pada 31 Mei 2012 tahun lalu .

3. Sehubungan itu, pada 21 Febuari 2013 yang lalu satu bengkel e-Lesen telah diadakan khusus bagi kakitangan selain dari Bahagian Pelesenan bagi tujuan memberi tunjuk ajar bagaimana untuk menggunakan sistem e-Lesen. Terdapat tiga modul yang diajar oleh En Zahir daripada Bahagian Pelesenan Ibu Pejabat Perikanan Putrajaya iaitu yang pertama mendaftar sebagai pemohon baru bagi pihak nelayan khususnya untuk permohonan kad pendaftaran nelayan dan juga permohonan lesen sampan baru. Yang kedua ialah mempelajari bagaimana untuk memasukkan data LOV dalam sistem khususnya untuk vesel laut dalam bagi tujuan pembaharuan lesen. Yang ketiga ialah mempelajari bagaimana mengemaskini profail vesel setelah sesuatu permohonan selesai diproses dalam sistem e-Lesen. Kehadiran dan komitmen daripada semua daerah amat baik dan semua kakitangan yang hadir semasa bengkel tersebut telah diberikan ID dan password untuk terus dapat melaksanakan modul yang diajar dalam sistem e-Lesen.

*ICC lesen
 file edaran
 surat ini ke
 semua PPN
 8/3 untuk
 BOS' sah
 e-lesen.
 T. Lash
 8/3/2013*


*pp Zahir
 Spt mana
 arahan
 8/3/13*

4. Bagi memudahkan pelaksanaan di peringkat daerah, diminta kerjasama semua KDP untuk menyediakan jadual tugas bersesuaian untuk melaksanakan perkara ini mengikut modul yang telah diajar dan menghantar sesalinan jadual ke PPN Perak sebelum 10hb pada setiap bulan. Bahagian Pelesenan PPN Perak mengucapkan ribuan terima kasih atas kerjasama baik yang diberikan oleh semua Ketua Cawangan dan semua Ketua Daerah Perikanan dalam merealisasikan konsep Blue Ocean Strategy (BOS) ini. Sekiranya terdapat sebarang masalah semasa pelaksanaan diminta dapat memaklumkan segera ke Bahagian Pelesenan di PPN Perak supaya dapat diselesaikan secara bersama. Kerjasama semua pihak terlibat amat dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menandatangani perintah,


(HJ SANI B. MOHD ISA, P.M.P)
Pengarah Perikanan Negeri
Perak Darul Ridzuan

s.k :

Ketua Pengarah Perikanan
Ibu Pejabat Perikanan
02628, PUTRAJAYA

Timbalan Ketua Pengarah Perikanan (Operasi)
Ibu Pejabat Perikanan
02628, PUTRAJAYA

Timbalan Ketua Pengarah Perikanan (Pembangunan)
Ibu Pejabat Perikanan
02628, PUTRAJAYA

 Pengarah
Bahagian Pelesenan & Pengurusan Sumber
Ibu Pejabat Perikanan
02628, PUTRAJAYA

"Perikanan Produktif Menjana Transformasi"

